

28 JUL 1997

Dewan-Bertulis

TIADA CADANGAN SWASTAKAN KEMUDAHAN SUKAN DI PERAK

IPOH, 28 Julai (Bernama) -- Kerajaan Perak tidak bercadang menswastakan Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) tetapi sedang menimbang cadangan menswastakan pengurusan kompleks itu, kata Menteri besar Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Beliau berkata, keputusan sama ada pengurusannya akan diswastakan bergantung kepada hasil kajian yang dilakukan oleh syarikat berkenaan.

Selain Stadium Perak, kompleks sukan itu merangkumi Stadium Indera Mulia, kolam renang, gelanggang tenis, Stadium Azlan Shah, Gelanggang Badminton dan Skuasy, katanya dalam jawapan bertulis kepada Hiew Yew Can (BN-Taman Canning) pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Ramli juga berkata, berdasar kan bancian terakhir pada tahun 1995, Perak kini bebas daripada insiden rakyat termiskin setelah baki 1,238 keluarga termiskin telah diberikan saham Felcra.

Ketika menjawab soalan bertulis Tan Chin Meng (BN-Bercham), Ramli berkata, negeri itu mencatatkan sejumlah 22,927 keluarga termiskin semasa program untuk golongan itu digubal pada tahun 1987.

Apabila ditemui selepas sidang itu, beliau berkata seorang anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada MIC dijangka dilantik sebagai anggota Exco dalam tempoh sebulan dari sekarang.

Menurutnya, beliau menerima tiga nama Adun yang mewakili parti itu daripada Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dan pelantikannya dijangka diumumkan sebulan dari sekarang.

Tiga Adun parti itu ialah Datuk G. Rajoo (Hutan Melintang), S. Veerasingam (Sungkai) dan M. Muttiah (Pasir Panjang).

Semalam, Samy berkata, Ramli telah menyatakan kepadanya bahawa dia (Ramli) akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai senarai calon itu sebelum membuat keputusan. -- BERNAMA

LAT NMO